




DR. WAHID RAZZALY (lima dari kiri) bertukar dokumen dengan Chink Poh Cheng (lima dari kanan) pada majlis menandatangani MoA antara UTHM dan Miaow Miaow Food Products Sdn. Bhd. di UTHM, baru-baru ini.

Tajaan RM50,000 penyelidikan UTHM

Oleh MOHD. SAIFUL
MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my



UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima sumbangan endowmen RM50,000 daripada Miaow Miaow Food Products Sdn. Bhd. dalam Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) yang diadakan di kampus induk universiti itu baru-baru ini.

Sumbangan wang tersebut adalah untuk dana endowmen universiti bertujuan menyokong aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pendidikan untuk pekerja, latihan, ujian makmal dan kerja perundingan syarikat berkenaan, manakala MoA yang dimeterai pula bertujuan menjalankan kerjasama sebagai rakan industri dalam aktiviti yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Sesi menandatangani memorandum perjanjian ini diwakili oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly, manakala Miaow Miaow Food Products pula diwakili Pengarah Urusannya, Chink Poh Cheng.

Majlis MoA ini turut disaksikan oleh Pendaftar UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman dan Pengarah Eksekutif syarikat tersebut, Ch'ng Poh Tee.

Syarikat Miaow Miaow Food Products merupakan subsidiari Kumpulan Miaow Miaow. Syarikat ini merupakan syarikat pengeluar makanan ringan terkemuka di Malaysia dan melibatkan pasaran di Malaysia.

Selain daripada pemborong dan peruncit tempatan, liputan perniagaan syarikat ini juga tertumpu di pasar raya besar, pasar raya, stesen minyak, serta rangkaian kedai-kedai mudah.

Produk syarikat turut berada pasaran antarabangsa termasuk negara-negara di Timur Tengah, Asia Pasifik and Afrika. Pada masa kini, syarikat ini giat menembusi pasaran Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

Syarikat itu telah diakreditasikan sijil ISO 9001:2000 and HACCP bagi kedua-dua sistem operasi perniagaan dan sistem pengurusan keselamatan dan kualiti makanan.

Penambahbaikan yang berterusan dan pelaburan dalam modal insan dengan usaha gigih telah memastikan produk syarikat ini mematuhi keperluan ketat yang diperlukan oleh sistem pengurusan kualiti (ISO 9001: 2000) dan piawaian keselamatan makanan (HACCP).

UTHM melihat jalinan kerjasama dengan Miaow Miaow Food Products Sdn. Bhd. ini boleh mempromosi dan merancakkan lagi aktiviti penyelidikan dan pendidikan, ujian makmal serta kerja perundingan antara dua pihak.

lagi aktiviti penyelidikan dan pendidikan, ujian makmal serta kerja perundingan antara dua pihak.

Kerjasama ini meningkatkan lagi pembangunan dan pelaksanaan penyelidikan bersama yang memberi tumpuan kepada pembangunan produk dan proses.



UTHM melihat jalinan kerjasama dengan Miaow Miaow Food Products Sdn. Bhd. ini boleh mempromosi dan merancakkan lagi aktiviti penyelidikan dan pendidikan, ujian makmal serta kerja perundingan antara dua pihak."